



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

IKLAN PENGAMBILAN

PERSONEL *SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM* (MySTEP) 2023

Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi satu (1) jawatan kontrak di bawah *Personel Short Term Employment Program* (MySTEP) bagi tahun 2023 seperti berikut:

Jawatan : Personel MySTEP

Gaji : RM 1,700.00

Tempoh : 7 bulan

Kemudahan : Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO

Penempatan : Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Cawangan Negeri Perak

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Maklumat terperinci mengenai jawatan ini dan Syarat-Syarat Kelayakan Lantikan dan Perkhidmatan adalah seperti berikut:

SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. Kelayakan Akademik seperti berikut:
 - i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

- i) Bertanggungjawab dalam mengendalikan semua panggilan telefon, melayani pelanggan / tetamu yang berurusan di kaunter pejabat;
- ii) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di pejabat (menyediakan kad perakam waktu, membantu dalam mendaftar surat-menyurat dan tugas-tugas pentadbiran, membantu dalam dokumen pengurusan aset/ stor);
- iii) Membantu dalam semakan permohonan G1 dan mencetak dokumen;
- iv) Membantu dalam penyediaan kursus kontraktor;
- v) Membantu dalam pengasingan dan penyediaan rekod lawatan STB mengikut daerah;
- vi) Membantu dalam pengumpulan maklumat bagi penyediaan laporan bulanan STB & MOF

CARA MEMOHON

Bagi calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut sebelum **12 Mei 2023 (Jumaat)** ke alamat dibawah:

- a) Resume terkini beserta gambar berwarna ; dan
- b) Salinan Sijil berkaitan (SPM/STPM/DIPLOMA)

Pusat Khidmat Kontraktor

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Aras 5, Blok Menara , Menara Usahawan

No.18, Persiaran Perdana

Presint 2

62650 Putrajaya

(U.p: Seksyen Pentadbiran, Perkhidmatan dan Aset)

Atau emelkan permohonan kepada pegawai berikut:

- nisa.hamdan@kuskop.gov.my
- nurulainakz@kuskop.gov.my

Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang pemakluman satu bulan selepas tarikh tutup maka permohonan dianggap tidak berjaya.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung iklan ini boleh merujuk kepada pegawai berikut:

Nama : Pn. Nurul Ain binti Ahmad Kamarul Zaman

No. Tel : 03-88805311

Emel : nurulainakz@kuskop.gov.my